

# Burung botak Parit Jawa semakin berkurangan

» *Hakisan, pembangunan punca ungas hijrah kian jarang singgah*

Oleh Badrul Kamal Zakaria  
badrulkamal@bh.com.my

Muar

**K**awasan sekitar Pangkalan Nelayan Parit Jawa, di sini sudah hilang satu daripada tarikannya berbanding 10 tahun lalu.

Jumlah burung botak atau nama saintifiknya *Leptotilos Javanicus* yang biasanya banyak berhijrah ke kawasan berkenaan berikutnya cuaca sejuk melampau di Siberia, Russia, Kanada dan Tibet, semakin berkurangan.

Fenomena penghijrahan burung botak di sekitar kawasan itu menjadi tarikan tersendiri sehingga menarik pelancong asing dan peminat burung serta alam sekitar.

Ia menarik minat pelancong termasuk dari Eropah yang datang ke Muar untuk menginap dan melihat burung berkenaan sebelum ini.

## Mudah dapat makanan

Burung botak singgah di kawasan berpaya atau pesisir pantai berlumpur kerana mempunyai banyak makanan seperti ikan kecil, ketam dan siput yang menjadi daya tarikan utama kepada burung itu.

Penduduk asal Parit Jawa, Quek Hang Yam, 65, mendakwa kemererosotan jumlah burung di kawasan ini disebabkan masalah hakisan pantai, selain beberapa faktor lain seperti pembangunan pesat di kawasan Parit Jawa dan sekitarnya.

"Tengok hari ini sahaja, hanya dua tiga ekor burung botak yang

ada. Dahulu, datang ke sini sahaja dapat lihat sekurang-kurangnya 20 hingga 40 burung botak."

"Selain burung botak, dulu ada juga ratusan burung dari spesies yang lain termasuk yang berhijrah dari kawasan seperti Siberia, Russia, China, Kanada dan Tibet," katanya.

Hang Yam berkata, ada peminat burung dan pelancong asing tinggal dengan menyewa hotel atau inap desa mahu pun berkhemah di kawasan berhampiran untuk tempoh yang agak lama hanya untuk melihat burung unik ini.

Ahli Malaysia Birds Photography, Loh Chee Meng, berkata burung botak dipercayai semakin pupus berikutan jumlahnya yang semakin berkurangan sejak beberapa tahun lalu.

"Saya lapan tahun tidak ke sini (Muar). Dulu saya dapat merakam gambar banyak spesies burung khususnya burung botak dari jenis Lesser Adjuntant, tetapi hari ini hanya terdapat dua ekor sahaja.

## Spesies terancam

"Kalau tidak silap saya, spesies terbabit adalah antara yang terancam dan terdapat kira-kira 200 ekor sahaja burung terbabit di seluruh Malaysia dan 5,000 di seluruh dunia, menjadikannya antara spesies yang paling ingin dirakam oleh jurugambar," katanya.

Beliau percaya kemerosotan jumlah ungas di kawasan terbabit berpunca daripada kemasuhan kawasan ekosistem yang menjadi habitat semula jadinya.

"Saya tengok di sini juga banyak hakisan dan juga kerja tambakan laut. Itu mungkin punca yang menyebabkan spesies burung ini makin berkurangan setiap tahun."

"Sumber makanan yang kurang memburukkan lagi keadaan kerana ia juga lihat menyebabkan spesies ini tidak dapat membiak seperti biasa sehingga menyebabkan populasi menurun," katanya.

Pengerusi Persatuan Pencinta

Alam Malaysia (MNS) Johor, Vincent Chow, mendakwa kemasuhan habitat semula jadi, selain turut menjadi buruan untuk dimakan menyebabkan burung botak diancam kepupusan.

Katanya, selain Malaysia, burung terbabit boleh didapati di kepulauan Sumatera, Indonesia, Bangladesh, selatan India, Myanmar dan Thailand.

"Saya pernah mengiranya (burung botak) di Parit Jawa dahulu dan terdapat 129 ekor semuanya. Selain di Muar, MNS pernah menerima maklumat, burung terbabit juga ditemui di Tanjung Piai, Pontian dan Sungai Melayu di Gelang Patah," katanya.

"Bagaimanapun, jumlahnya terlalu sedikit berbanding kawasan seperti Pantai Leka dan Sungai Balang di Muar dan beberapa tempat di Batu Pahat," katanya.

Chow berkata, faktor utama menyebabkan jumlah burung terbabit semakinerosot adalah disebabkan oleh kekurangan pokok tinggi, selain burung terbabit juga turut diburu sebagai makanan.

"Burung botak khususnya dari jenis lesser adjuntant ini biasanya akan membuat sarang di atas pokok yang tinggi sekurang-kurangnya 15 meter seperti pokok pulai."

## Diami hutan bakau

Ketua Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata di Malaysia, kebanyakannya burung botak mendiami kawasan hutan bakau di lokasi air pasang surut yang berlumpur serta menjadi sumber makanan utamanya.

"Hutan bakau dan kawasan berlumpur ini kaya dengan haiwan benthic sebagai makanannya. Selain itu, hutan bakau juga menjadi tempat untuk burung botak membuat sarang, tidur, makan dan berkembang biak."

"Kemasuhan kawasan seumpama ini pastinya akan mengganggu ekosistem burung botak dan seterusnya menjadi punca kemererosotan populasi," katanya ketika dihubungi semalam.

Ahmad yang juga Naib Presiden MNS berkata, pemantauan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sangat penting bagi memastikan ekosistem burung botak dan haiwan lain tidak terganggu.



“*Tengok hari ini sahaja, hanya dua tiga ekor burung botak yang ada. Dahulu, datang ke sini sahaja dapat lihat sekurang-kurangnya 20 hingga 40 ekor burung botak*”

Quek Hang Yam,  
Penduduk



“*Sumber makanan yang kurang memburukkan lagi keadaan kerana ia juga lihat menyebabkan spesies ini tidak dapat membiak seperti biasa sehingga menyebabkan populasi menurun*”

Loh Chee Meng,  
Ahli Malaysia Birds  
Photography



Burung botak atau *Leptotilos Javanicus* di Pantai Leka, Parit Jawa, Muar, semakin berkurangan.

[FOTO BADRUL KAMAL ZAKARIA/BH]



Ikuti BH Plus

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video